

Selamatkan longkang berminyak

KUALA ROMPIN - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Cawangan Rompin mengagihkan tong kepada pengusaha gerai makan di Pesta Rompin 2017 di sini, bagi memudahkan pembuangan minyak masak terpakai.

Pegawai Penguatkuasa SWCorp Cawangan Rompin, Chang Ana, pemberian tong berkenaan sebagai usaha membantu mengelak longkang kotor atau dipenuhi sisa minyak selama pesta berlangsung.

"Semua peniaga terlibat dilarang membuang minyak masak terpakai terus ke dalam longkang. Jadi, kita mengedarkan 20 tong kepada peniaga makanan dan mereka menyambut baik usaha ini.

"Sehingga hari penutup pada Ahad lepas, kita berjaya mengumpul sebanyak 55 kilogram minyak masak terpakai," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini semalam.

Chang Ana berkata, berdasarkan pemerhatiannya terdapat juga peniaga yang



Wakil SWCorp Cawangan Rompin menyerahkan tong kepada peniaga di Pesta Rompin 2017.



Tong yang digunakan sebagai kempen menjaga kebersihan longkang.

mengumpul minyak masak terpakai menggunakan tong sendiri sebelum dibawa pulang untuk

dijual di tempat mereka.

"Ada sebahagian peniaga pula mengakui sebelum ini mereka membuang minyak terpakai terus ke dalam longkang dan jika tong itu tidak diagihkan sudah pasti mereka melakukan perbuatan sama.

"Minyak ini kita akan kumpul bersama dengan minyak terpakai lain yang dihantar peniaga tempatan ke pusat kitar semua SWCorp Cawangan Rompin sebelum dijual kepada pihak berkenaan," katanya.